05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# PENGARUH SOKONGAN IBU BAPA, PERSONALITI DAN MOTIVASI KE ATAS EFIKASI KENDIRI MEMBUAT KEPUTUSAN KERJAYA

SITI AISYAH BINTI MAT YUSOFF

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BIMBINGAN DAN KAUNSELING)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengukur pengaruh sokongan ibu bapa, personaliti dan motivasi ke atas efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan pelajar tingkatan empat di daerah Asajaya, Sarawak. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan. Pemilihan subjek kajian dijalankan secara persampelan rawak mudah yang melibatkan 442 orang pelajar tingkatan empat dari lima buah sekolah di daerah Asajaya, Sarawak. Responden kajian menjawab empat jenis soal selidik iaitu *Career-Related Parent Support Scale* (CRPSS), *Big Five Inventory (BFI)*, *Participation Motivation Inventory* (PMI) dan *Career Decision-Making Self-Efficacy Scale- Short Form* (CDMSE-SF). Data dianalisis menggunakan Ujian-t, Korelasi Pearson dan Regrasi Pelbagai. Analisis ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan subskala sokongan ibu bapa iaitu galakan lisan dan sokongan emosi berdasarkan jantina. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan motivasi intrinsik dan ekstrinsik berdasarkan jantina. Analisis Korelasi Pearson pula menunjukkan sokongan ibu bapa, personaliti dan motivasi mempunyai hubungan yang signifikan yang positif dengan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya. Analisis regrasi pelbagai menunjukkan sokongan ibu bapa dari segi emosi, personaliti keterbukaan dan motivasi intrinsik memberi sumbangan (31.9%) yang signifikan ($p<0.001$) terhadap skor efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan pelajar. Kesimpulan daripada kajian menunjukkan sokongan ibubapa dari segi emosi, personaliti keterbukaan dan motivasi intrinsik membantu pelajar dalam membuat keputusan kerjaya. Implikasi keputusan kajian menunjukkan ibu bapa dan kaunselor perlu memberi sokongan, motivasi dan mengenal pasti personaliti pelajar dalam membantu mereka membuat keputusan kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**THE INFLUENCE OF PARENTAL SUPPORT, PERSONALITY AND MOTIVATION ON CAREER DECISION-MAKING SELF-EFFICACY**

## ABSTRACT

The purpose of this study was to measure the influence of parental support, personality and motivation on career decision-making self-efficacy among form four students in the district of Asajaya, Sarawak. This study was carried out using a quantitative approach with a survey study design. A total of 442 form four students were selected randomly from five secondary schools in the district of Asajaya, Sarawak. The participants were asked to answer four questionnaire, which included Career-Related Parent Support Scale (CRPSS), Big Five Inventory (BFI), Participation Motivation Inventory (PMI) and Career Decision-Making Self-Efficacy Scale-Short Form (CDMSE-SF). Data were analyzed of t-test, Pearson correlation and multiple regression. Analysis of t-test revealed that there were significant differences in parental support subscale which were verbal encouragement and emotional support based on gender. The findings also showed that there were significant differences in intrinsic and extrinsic motivation with based on gender Pearson correlation analysis showed that parental support, personality and motivation had positive significant relationship with the career decision-making self-efficacy. The result of regression analysis demonstrated that parental support in terms of emotional support, openness personality and intrinsic motivation contributes significantly (31.9%) to the career decision making self-efficacy among students. Based on these findings, it can be concluded that support of parents in terms of emotional support, openness personality and intrinsic motivation help students in career decision making. This study may bring insights into practical considerations needed for parents and counselors to provide support, motivation and identify the personality of the students in helping them to make career decision making.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# KANDUNGAN


| | | Muka Surat |
|---|---|---|
| **PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN** | | ii |
| **BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI** | | iii |
| **PENGHARGAAN** | | iv |
| **ABSTRAK** | | v |
| **ABSTRACT** | | vi |
| **ISI KANDUNGAN** | | vii |
| **SENARAI JADUAL** | | xiii |
| **SENARAI RAJAH** | | xv |
| **SENARAI SINGKATAN** | | xvi |
| **SENARAI LAMPIRAN** | | xix |
| **BAB 1** | **PENGENALAN** | |
| | 1.1 Pendahuluan | 1 |
| | 1.2 Latar Belakang Kajian | 2 |
| | 1.3 Pernyataan Masalah | 13 |
| | 1.4 Soalan Kajian | 18 |
| | 1.5 Objektif Kajian | 19 |
| | 1.6 Hipotesis | 20 |
| | 1.7 Kepentingan Kajian | 23 |
| | 1.8 Definisi konsep dan Operasional | 25 |
| | 1.8.1 Sokongan Ibu Bapa | 25 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


1.8.2 Personaliti 26

1.8.3 Motivasi 29

1.8.3.1 Motivasi Intrinsik 29

1.8.3.2 Motivasi Ekstrinsik 32

1.8.4 Efikasi Kendiri 34

1.8.5 Pelajar 38

1.9 Kerangka Kajian 38

1.10 Rumusan Bab 40

**BAB 2 TEORI DAN TINJAUAN LITERATUR**

2.1 Pendahuluan 41

2.2 Pendekatan Teori 42

2.2.1 Teori Efikasi Kendiri 42

2.2.2 Teori Kerjaya Kognitif Sosial 47

2.2.3 Teori Personaliti Big Five Goldberg (1922) 52

2.2.4 Teori Motivasi Pencapaian Mcclelland 54

2.3 Tinjauan Literatur yang berkaitan dengan Pemboleh ubah 56

2.3.1 Sokongan Ibu Bapa 56

2.3.2 Personaliti 61

2.3.3 Motivasi 68

2.3.4 Efikasi Kendiri 73

2.4 Rumusan 87

**BAB 3 METODOLOGI**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



| | | |
|---|---|---|
| 3.1 | Pendahuluan | 89 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 89 |
| 3.3 | Tempat Kajian | 90 |
| 3.4 | Subjek Kajian | 91 |
| | 3.4.1 Populasi Kajian | 91 |
| | 3.4.2 Sampel Kajian | 92 |
| 3.5 | Instrumen Kajian | 93 |
| | 3.5.1 Bahagian A: (Latar Belakang Responden) | 94 |
| | 3.5.2 Bahagian B: *Career Related Parent Support Scale (CRPSS)* | 94 |
| | 3.5.3 Bahagian C: *The Big Five Inventory (BFI)* | 96 |
| | 3.5.4 Bahagian D: *Participation Motivation Inventory (PMI)* | 97 |
| | 3.5.5 Bahagian E: *Career Decision- Making Self – Self Efficacy Scale – Short Form (CDMSE – SF)* | 98 |
| 3.6 | Kesahan | 99 |
| 3.7 | Kebolehpercayaan | 101 |
| | 3.7.1 Kebolehpercayaan CRPSS | 102 |
| | 3.7.2 Kebolehpercayaan BFI | 103 |
| | 3.7.3 Kebolehpercayaan PMI | 103 |
| | 3.7.4 Kebolehpercayaan CDMSE- SF | 104 |
| 3.8 | Pemarkatan | 104 |
| | 3.8.1 *Career Related Parent Support Scale (CRPSS)* | 105 |
| | 3.8.2 *The Big Five Inventory (BFI)* | 106 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



3.8.3 *Participation Motivation Inventory (PMI)* 107

3.8.4 *Career Decision - Making Self – Self Efficacy Scale Short Form (CDMSE-SF)* 108

3.9 Kajian Rintis 111

3.10 Prosedur Kajian 112

3.11 Penganalisisan Data Statistik 114

3.12 Rumusan 116

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pendahuluan 117

4.2 Analisis Deskriptif 118

4.2.1 Profil Responden 118

4.2.1.1 Jantina 118

4.2.1.2 Bangsa 119

4.3 Analisis Skor Min dan Tahap Pemboleh Ubah Kajian 119

4.4 Analisis Statistik Inferensi 121

4.4.1 Ujian t 122

4.4.1.1 Perbezaan Sokongan Ibu Bapa Berdasarkan Jantina 122

4.4.1.2 Perbezaan Personaliti Berdasarkan Jantina 123

4.4.1.3 Perbezaan Motivasi Berdasarkan Jantina 125

4.4.1.4 Perbezaan Efikasi Membuat Keputusan Kerjaya Berdasarkan Jantina 126


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


4.4.2 Hubungan Antara Pembolehubah Kajian 127

4.4.2.1 Hubungan antara Sokongan Ibu Bapa dengan Efikasi Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya 127

4.4.2.2 Hubungan antara Personaliti dengan Efikasi Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat 129

4.4.2.3 Hubungan Motivasi dengan Efikasi Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya Pelajar Tingkatan Empat 131

4.4.4 Analisis Regrasi 132

4.5 Rumusan Bab 133

**BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1 Pendahuluan 135

5.2 Ringkasan Kajian 136

5.3 Perbincangan 138

5.3.1 Perbezaan Sokongan Ibu Bapa Berdasarkan Jantina 138

5.3.2 Perbezaan Personaliti Berdasarkan Jantina 139

5.3.3 Perbezaan Motivasi Berdasarkan Jantina 140

5.3.4 Perbezaan Efikasi Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya Berdasarkan Jantina 141

5.3.5 Hubungan antara Sokongan Ibu Bapa dengan Efikasi Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya 141

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


5.3.6 Hubungan antara Personaliti dengan Efikasi Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat 142

5.3.7 Hubungan Motivasi dengan Efikasi Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya Pelajar Tingkatan Empat 143

5.3.8 Pengaruh Sokongan Ibu Bapa, Personaliti dan Motivasi ke atas Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya 144

5.4 Kesimpulan 145

5.5 Implikasi Kajian 146

5.5.1 Pelajar 146

5.5.2 Kaunselor 147

5.5.3 Ibu Bapa 147

5.5.4 Kementerian Pendidikan Malaysia 148

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.6 Cadangan 148

5.7 Rumusan 150

**RUJUKAN** 151

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# SENARAI JADUAL


| No. Jadual | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 3.1 | Penentuan Saiz sampel Menurut Krejcie &Morgon (1970) | 92 |
| 3.2 | Contoh Soalan *Career-Related Parent Support Scale (CRPSS)* | 95 |
| 3.3 | Taburan Nombor Item The Big Five Inventory (BFI) Mengikut Sub Skala Dan Item Positif - Negatif | 96 |
| 3.4 | Taburan Item motivasi mengikut sub skala | 98 |
| 3.5 | Taburan Item-item dalam CDMSE - SF | 99 |
| 3.6 | Pembahagian Soal Selidik | 104 |
| 3.7 | Skor Min Galakan Lisan Ibu Bapa | 105 |
| 3.8 | Skor Min Sokongan Emosi Ibu Bapa | 105 |
| 3.9 | Kaedah Pemarkatan Personaliti | 106 |
| 3.10 | Pembahagian Item Mengikut Subkontrak Mengikut awapan Dalam Menentukan enis Personaliti Tahap | 107 |
| 3.11 | Skala Pemarkatan Untuk Inventori Motivasi Penyertaan (*Participation Motivation Inventory: PMI)* | 107 |
| 3.12 | Pemberian Markat Mengikut Jawapan DalamMenentukan Tahap Efikasi Kendiri Dalam Membuat Keputusan Kerjaya | 108 |
| 3.13 | Contoh Item Soal Selidik Efikasi Kendiri | 109 |
| 3.14 | Pembahagian Item Mengikut Subkonstruk Mengikut awapan Dalam Menentukan Tahap Efikasi Kendiri Dalam Membuat Keputusan Kerjaya | 109 |
| 3.15 | Pembahagian Markat Untuk Menentukan Tahap Efikasi Kendiri Dalam Membuat Keputusan Kerjaya | 109 |
| 3.16 | Pembahagian Markat untuk Menentukan Sub | 110 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



| | | |
|---|---|---|
| | konstruk Tahap Efikasi Kendiri Dalam Membuat Keputusan Kerjaya | |
| 3.17 | Keputusan Kajian Rintis | 111 |
| 3.18 | Penganalisaan Data Statistik | 114 |
| 4.1 | Taburan Responden Mengikut Jantina | 118 |
| 4.2 | Taburan Responden Mengikut Bangsa | 119 |
| 4. 3 | Skor Purata dan Sisihan Piawai Pembolehubah Sokongan Ibu bapa | 120 |
| 4.4 | Skor Purata Dan Sisihan Piawai Pemboleh Ubah Personaliti | 121 |
| 4.5 | Skor Purata Dan Sisihan Piawai Pemboleh Ubah Motivasi | 121 |
| 4.6 | Skor Purata Dan Sisihan Piawai Pemboleh Ubah Efikasi Kendiri | 121 |
| 4.7 | Keputusan Ujian-t perbezaan galakan lisan dan sokongan emosi berdasarkan antina | 122 |
| 4.8 | Keputusan Ujian-t perbezaan Neurotisme, Ekstraversi, Keterbukaan, Agreebleness dan Conscientiousness berdasarkan Jantina | 124 |
| 4.9 | Keputusan Ujian-t Perbezaan intrinsik dan ekstrinsik berdasarkan jantina | 125 |
| 4.10 | Keputusan ujian-t efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya berdasarkan antina | 127 |
| 4.11 | Keputusan Ujian korelasi bagi sokongan ibu bapa dengan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya | 128 |
| 4.12 | Keputusan Ujian korelasi bagi personaliti dengan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya | 130 |
| 4.13 | Keputusan Ujian korelasi bagi motivasi dengan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya | 131 |
| 4.14 | Analisis Regrasi Berganda Bagi Pembolehubah Bebas yang Mempengaruhi Efikasi Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya | 132 |
| 4.15 | Analisi Varians | 133 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# SENARAI RAJAH


| Rajah | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1.1 | Kerangka Kajian | 39 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**SENARAI SINGKATAN**

| | |
|---|---|
| AARRSI | *American Racism-Related Stress Inventory* |
| ACI | *Analytical Chemistry* |
| ANOVA | *Analisys Varians* |
| ATC | *Attitude Towards College* |
| BFI | *Big Five Inventory* |
| CBI-R | *Career Barrier Inventory* |
| CDMSE | *Career Decision Making Self- Efficacy Scale* |
| CDMSE-SF | *Career Decision Making Self  Efficacy Scale Short Form* |
| CDS | *Career Decision Scale* |
| CPEE | *Career Planning and Exploration Self-Efficacy Scale* |
| CPHS | *Career-Related Planned Happenstance Scale* |
| CRPSS | *Career-Related Parent Support Scale* |
| CSEI | *College Self-Efficacy Instrument* |
| CWB | *Coping With Barriers Scale* |
| DBP | Dewan Bahasa Pustaka |
| DMCTE | *Debre Markos College of Teacher Education* |
| EPRD | Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan |
| FAD | *Family Assessment Device* |
| GSE | *General self- efficacy* |
| IPPA-R | *Parent and Peer Attachment-R* |
| IPTA | Institut Pengajian Tinggi Awam |
| JSS | *Job Satisfaction Servey* |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | |
|---|---|
| KPM | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| *LIB* | *Language,Identity and Behavioral Acculturation Scale* |
| MANOVA | Multivariat Varians |
| MARA | Majlis Amanah Rakyat |
| MCGS | *Missouri Comprensive Guidence Survey* |
| ME | Motivasi Ekstrinsik |
| MI | Motivasi Intrinsik |
| MRSM | Maktab Rendah Sains Mara |
| MSSES | *Middel-School Self Efficacy Scale* |
| NEO-FFI | *NEO Five Factor Inventory* |
| NEO-PI-R | *NEO Personality Inventory- Rivised* |
| OES-S | *Occupational Engagement Scale for Students* |
| OSTI | *Occupational Stress Inventory for Teacher* |
| PMI | *Participation Motivation Inventory* |
| PNG | Purata Nilai Gred |
| POB | *Perceptions Of Barrier Scale* |
| RSES | *Rosenberg Self-Esteem Scale* |
| S | Setuju |
| SB | Sangat Bersetuju |
| SCCT | *Social Cognitive Career Theory* |
| SES | Sosioekonomi |
| SESS | *Self-Efficacy* and *Study Skill* |
| SKM | Sijil Kemahiran Malaysia |
| SLSQ | *Self-Regulated Learning Strategies Questionnaire* |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | |
|---|---|
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |
| SPS | Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Sains Sukan) |
| SPSS | *Statistical Package for Sciences Social* |
| SPSS | *Statistical Package for Science Social"* |
| SS | Sangat Setuju |
| STS | Sangat Tidak Setuju |
| STS | Sangat Tidak Setuju |
| SWPI | *Students Work Preference Inventory* |
| TS | Tidak Pasti |
| UITM | Universiti Teknologi Mara |
| UKM | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| UPSI | Universiti Pendidikan Sultan Idris |
| UTHM | Universiti Tun Hussein Onn |
| UTM | Universiti Teknologi Malaysia |
| WPI | *Work Preference Inventory* |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# SENARAI LAMPIRAN


A Maklumat Diri

B Soal Selidik Sokongan Ibu Bapa (*Career-Related Parent Support Scale*)

C Soal Selidik Personaliti (*Big Five Inventory*)

D Soal Selidik Motivasi (*Participation Motivation Inventory*)

E Soal Selidik Efikasi Kendiri (*Career Decision- Making Self Efficacy Scale –Short Form)*

F Surat Kelulusan Menjalankan Penyelidikan Di Sekolah-Sekolah


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 1

# PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.1 Pendahuluan

Bab pengenalan akan memberi tumpuan kepada tajuk kajian iaitu sokongan ibu bapa, personaliti, motivasi dan efikasi-kendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan pelajar tingkatan empat. Bab ini juga membincangkan kajian yang meliputi latar belakang kajian, pernyataan masalah, soalan kajian, objektif kajian, definisi pemboleh ubah, kerangka teori, kepentingan kajian, hipotesis kajian dan rumusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.2 Latar Belakang Kajian

Kerjaya merupakan sesuatu yang penting dan amat berkait rapat dengan perkembangan kehidupan seseorang itu. Perkembangan kerjaya seseorang individu bermula dari ia dilahirkan sehingga meninggal dunia. Masa persekolahan adalah sebahagian daripada pekembangan tersebut. Di samping itu, bidang kerjaya adalah satu siri kejadian kerja yang berkaitan, yang membimbing seseorang beransur maju dalam pekerjaan atau profession yang mana setiap pertukaran atau perubahan akan mendorong ke arah kemajuan.

Manakala menurut Zunker (2006) kerjaya merujuk kepada aktiviti dan kedudukan yang meliputi pekerjaan dan tugas serta mempunyai perhubungan sepanjang kehidupan individu. Di samping itu, kerjaya adalah satu pekerjaan yang perlu diwujudkan di dalam kehidupan seseorang. Kerjaya juga boleh didefinisikan sebagai persepsi seseorang individu, satu sikap dan tingkahlaku individu yang berkaitan dengan aktiviti kerja serta pengalaman dalam kehidupan individu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kerjaya seseorang individu itu berhak memilih kerjaya yang diingini. Memilih kerjaya yang sesuai bukanlah sesuatu yang mudah, sehubungan dengan itu, sekolah merupakan tempat yang amat penting bagi seseorang pelajar untuk memilih kerjaya yang sesuai dengan dirinya. Kerjaya juga adalah kerja yang berterusan atau kesinambungan berkaitan dengan pengalaman dan sikap yang berlaku dalam kehidupan individu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Proses memilih sesuatu kerjaya bukannya mudah, ianya perlu dipupuk sejak awal lagi agar dapat mencari kerjaya yang betul-betul sesuai dengan jiwa. Crites (1989) yang menyatakan, pemilihan kerjaya adalah satu keputusan yang paling penting dalam kehidupan apabila individu mula memikirkan untuk memasuki dunia pekerjaan. Syed Nasir (1998) mengatakan pemilihan kerjaya adalah satu proses yang akan ditempuhi bagi setiap pelajar dan ianya melibatkan satu jangka masa yang panjang sebelum membuat satu keputusan yang muktamad dan kekal sehingga ke akhir hayat.

Manakala Ginzberg (1972) berpendapat bahawa pemilihan kerjaya ialah proses membuat keputusan yang berlaku sejak remaja hingga seseorang individu berumur seawal dua puluh tahun, iaitu apabila individu mula sedar dan mengambil tahu tentang pekerjaan. Oleh itu, proses pemilihan kerjaya telah berlaku sejak dari kecil dengan menetapkan cita-cita mengikut bidang yang mereka minati.

Di samping itu, membuat pilihan kerjaya adalah berbeza dengan mencari pekerjaan bagi menampung hidup. Tolbert (1980) mendapati biasanya pelajar lepasan sekolah menengah memilih kerja dengan meniru individu yang disukai atau individu yang popular untuk memenuhi permintaan ibu bapa. Ini seolah-olah menunjukkan pertimbangan yang dibuat oleh individu mengenai kerjaya diambil mudah sahaja. Menurut Mizan (2001) sepatutnya pelajar di bangku sekolah lagi harus bersedia merancang peranan diri dalam dunia pekerjaan.

Namun begitu, apa yang terjadi sekarang menunjukkan ketidaksediaan pelajar terhadap pemilihan kerjaya. Di Malaysia, dianggarkan mempunyai 14.7 juta tenaga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kerja dengan lebih 400,000 orang termasuk dalam golongan mencari pekerjaan pada setiap masa atau menganggur setakat Jun 2015. Seramai 107,000 orang daripada jumlah penganggur itu pula terdiri daripada graduan lepasan diploma, ijazah dan ke atas. Dengan istilah lain, kadar pengangguran di Malaysia berada pada paras 3.2 peratus daripada jumlah tenaga buruh (Harian Metro, 7 Disember 2015). Ini menunjukkan para pelajar tidak membuat perancangan awal untuk memilih bidang kerjaya yang sesuai menyebabkan mereka tidak mendapat peluang pekerjaan.

Kadar pengangguran ini tinggi adalah disebabkan oleh pelajar tidak membuat keputusan kerjaya dengan tepat. Oleh itu dalam membuat keputusan kerjaya seseorang individu itu perlu mengetahui tentang maklumat kerjaya yang hendak mereka pilih. Menurut Rahim dan Rohana (2010) kekerapan menerima maklumat kerjaya mempunyai nilai hubungan yang signifikan dengan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Sidek Mohd Noah (2002), maklumat kerjaya adalah satu susunan maklumat yang teratur yang boleh membantu individu memahami diri, mempelajari dunia pekerjaan serta mendapat pengalaman yang dapat membantu individu memahami diri, mempelajari dunia pekerjaan serta mendapatkan pengalaman yang dapat membantu mereka membuat keputusan tentang kerjaya.

Membuat keputusan kerjaya perlu dilakukan diperingkat sekolah menengah lagi terutamanya pelajar tingkatan empat. Hal ini kerana tingkatan empat merupakan peringkat yang paling penting buat pelajar untuk menghadapi peperiksaan utama negara. Pemilihan jurusan yang bersesuaian akan menentukan kerjaya pelajar pada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


masa hadapan. Bagi memantapkan pemilihan jurusan, pelajar tingkatan empat perlu membuat pengkhususan dalam bidang pengajian mereka selaras dengan minat dan cita-cita mereka. Pakej-pakej mata pelajaran yang dipilih oleh pelajar harus bersesuaian dengan bidang yang ada di universiti. Pelajar-pelajar harus tahu kombinasi mata pelajaran khususnya mata pelajaran sains untuk melanjutkan pelajaran di IPTA dan bidang yang kritikal di universiti agar peluang untuk memasuki universiti ini terbuka luas kepada mereka. Oleh itu, pelajar perlu membuat perancangan awal lagi bagi menentukan bidang yang mereka mahu.

Membuat perancangan awal dalam memilih kerjaya adalah satu tindakan yang yang baik. Hal ini kerana dapat membantu seseorang individu itu membuat keputusan kerjaya yang tepat. Membuat keputusan mengenai kerjaya seseorang adalah berkaitan dengan pengaruh efikasi kendiri. Betz dan Hackett (2006) menyatakan seseorang individu itu kurang yakin tentang kebolehan mereka. Perasaan kekurangan menyebabkan pengelakan seseorang pelajar itu dalam subjek akademik disekolah atau mengelakan dalam pilihan kerjaya tertentu. Menurut Betz dan Serling (1996) efikasi kendiri yang rendah adalah berkaitan dengan komitmen dalam membuat keputusan kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bandura menerangkan efikasi kendiri ialah kepercayaan atau keupayaan seseorang itu dalam melaksankan tugas yang diberikan (Betz & Luzzo, 1996). Menurut Hacket dan Betz (1995) efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya ialah tugas-tugas yang berkaitan dengan kerjaya dan tingkah laku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Manakala menurut Wolfe dan Betz (2004) efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya adalah kepercayaan seseorang dalam menyelesaikan tugas untuk membuat keputusan kerjaya iaitu bersedia meneroka alam sekitar dan mempunyai keupayaan dalam penerokaan tingkah laku tersebut. Seseorang individu yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi dalam diri seseorang itu memudahkan seseorang itu membuat keputusan kerjaya. Brown dan Lent (1996) menegaskan bahawa individu yang kurang yakin dalam membuat perancangan dan pilihan kerjaya merupakan seseorang yang tidak matang dalam membuat keputusan kerjaya.

Efikasi-kendiri tidak hanya melibatkan kebolehan semata-mata, tetapi kepercayaan tentang kebolehan yang akan mengahasilkan tindakan yang berkesan. Secara operasinya, jangkaan tentang efikasi-kendiri akan menentukan tahap kenyakinan diri untuk melaksanakan atau melengkapkan sesuatu tugas yang dikehendaki (Lent & Hackett 1987). Efikasi-kendiri mempengaruhi keyakinan pelajar dalam menguasai sesuatu subjek dan juga prestasi dalam peperiksaan (Chemers, Hu & Garcia 2001; Multon, Brown & Lent1991). Kepercayaan efikasi-kendiri terbentuk melalui pengalaman yang dilalui oleh pelajar.

Bandura (1989) menyatakan kepercayaan diri merupakan fungsi utama dalam memotivasikan seseorang. Pelajar yang telah mendapat kejayaan dalam akademik akan bertambah efikasi-kendiri akademik mereka. Seseorang yang tinggi efikasi-kendirinya dapat membuat sesuatu dengan penuh keazaman dalam jangka masa yang lama. Pelajar yang mempunyai pengalaman positif dalam pencapaian akademik akan mempunyai kecederungan untuk meneruskan pencapaian dalam akademik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Di samping itu, efikasi-kendiri mempengaruhi pencapaian pelajar. Efikasi-kendiri ialah teori untuk meramal kerjaya atau pemilihan kursus major dan pencapaian (Lent, Brown & Hackett, 1994). Efikasi-kendiri akademik ialah keyakinan tentang keupayaan untuk membuat seusatu tugasan penting kepada kerjayaan akademik dalam bidang seperti sains, teknologi dan kejuruteraan (Lent, Brown & Larkin 1986; Chemers, Hu & Garcia 2001; & Cutrona, Cole & Colangelo, 1994) pula menggunakan efikasi-kendiri akademik sebagai kriteria kepada pencapaian akademik.

Goldenstein (1991) dalam Sazali et al. (2002) menyatakan kepercayaan seseorang itu terhadap kemampuan bagi melaksanakan sesuatu tugas, merupakan suatu bidang yang penting untuk diterokai pada masa akan datang. Efikasi-kendiri didefinisikan sebagai tindakan yang perlu untuk mencapai prestasi yang ditetapkan. Ia tiada kena mengena dengan kemahiran seseorang itu, tetapi ia berkenaan dengan pertimbangan seseorang itu mengenai apa-apa yang boleh dilakukannya dengan kemahiran dan pengetahuan yang dimilikinya (Bandura, 1977 dalam Maldonado, 2008) ia juga bermaksud kepercayaan atau keyakinan seseorang itu dalam melaksanakan tingkah lakunya untuk mencapai sesuatu maksud dengan berjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bandura (1986) menyatakan efikasi-kendiri mempengaruhi prestasi dengan meningkatkan usaha dan kecekalan. Sehubungan itu, individu yang mempunyai efikasi-kendiri yang tinggi akan memberikan hasil atau pencapaian yang baik dalam pekerjaan yang dilakukan. Mengikut Bandura (1997) efikasi-kendiri ialah kepercayaan seseorang terhadap kebolehannya untuk mengatur dan melaksanakan tindakan yang dikehendaki untuk menghasilkan sesuatu kejayaan. Kepercayaan manusia terhadap efikasi mempunyai kesan yang berbeza-beza. Kepercayaan terhadap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


efikasi mempengaruhi tindakan yang ingin dilakukan, berapa usaha dalam melakukan sesuatu dan ketahanan terhadap kesusahan dan cabaran jika mengahadapi sesuatu halangan atau kegagalan.

Selain itu, sokongan ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam membantu seseorang pelajar itu membuat keputusan kerjaya. Emilija Peciulyte, Laura Ustinaviciute dan Natalija Norvile (2014) mengatakan sokongan ibu bapa mempunyai hubungan yang positif dengan efikasi-kendiri membuat keputusan kerjaya. Keadaan ini kerana sokongan ibu bapa memainkan peranan dalam mencorak kerjaya pelajar di peringkat awal. Bagaimanapun, terdapat beberapa kajian yang meneroka peranan keluarga melalui bermain mempengaruhi aspirasi kerjaya dan menyediakan aktiviti-aktiviti perancangan yang berkaitan dengan kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cara bagaimana ibu bapa berinteraksi dengan anak-anak mereka bergantung kepada pegangan dan kepercayaan mereka tentang pengurusan dan pendidikan anak-anak. Keluarga yang sentiasa menghadapi keadaan prejudis dan tidak mempunyai sumber yang banyak akan mendidik anak mereka menjadi lebih cekal dan gigih sejak kecil berbanding dengan keluarga yang tidak menghadapi keadaan demikian. Apabila anak-anak dididik dengan cara yang pelbagai dan berbeza, tentulah mereka akan memberi respon yang pelbagai dan berbeza-beza pula kepada sesuatu perkara dalam konteks persekolahan atau persekitaran yang lain (Trawick, 1997). Pei Wen Winnie Ma dan Christine J. Yeh (2010) menyatakan  sokongan ibu mempengaruhi seseorang pelajar dalam melakukan perancangan untuk memasuki kolej selepas tamat sekolah menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi